



## KENYATAAN MEDIA

### NRES DAN PERHILITAN PERKUKUH KONSERVASI TAPIR MALAYA

---

Saya telah merasmikan Majlis Sambutan Hari Tapir Sedunia (World Tapir Day) 2025 pada 26 April 2025 di Pusat Konservasi Hidupan Liar (PKHL) Sungai Dusun, Kuala Kubu Baru, Selangor.

Hari Tapir Sedunia disambut pada 27 April setiap tahun bagi meningkatkan kesedaran masyarakat dalam memulihara flora dan fauna selaras dengan nilai-nilai murni Malaysia MADANI ke arah kehidupan yang lebih harmoni dengan alam semula jadi.

Berdasarkan data terkini Jabatan PERHILITAN, populasi Tapir Malaya di habitat semula jadi di Semenanjung Malaysia dianggarkan hanya sekitar 700 hingga 800 ekor. Jumlah ini menunjukkan penurunan populasi lebih 30% populasi dalam tempoh tiga dekad lalu akibat kehilangan habitat, pembukaan tanah, fragmentasi hutan, mangsa jerat dan kemalangan jalan raya.

Sepanjang tempoh 2020 hingga 2024, sebanyak 112 ekor Tapir Malaya telah menjadi mangsa kemalangan jalan raya di tujuh (7) negeri utama iaitu di Terengganu, Johor, Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang, dan Selangor.

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) melalui Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia terus komited melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memastikan kelangsungan hidup spesies ini.

Antara inisiatif yang telah dilaksanakan termasuk pemasangan jalur rentas kuning (*yellow tranverse bars*), papan tanda lintasan hidupan liar dan *solar amber light* di beberapa lokasi yang dikenal pasti.

Selain itu, Jabatan PERHILITAN telah menubuhkan Pusat Konservasi Tapir di Kenaboi, Negeri Sembilan; melaksanakan kerjasama strategik, menjalankan kajian saintifik dan teknologi pemantauan, mengukuhkan habitat serta meningkatkan pendidikan dan kesedaran awam.

Usaha-usaha untuk mengukuhkan konservasi Tapir Malaya tidak akan berjaya tanpa penyertaan aktif daripada semua rakyat Malaysia.

Saya menyeru agar semua pihak berganding bahu melalui penglibatan dalam program-program CSR, aktiviti sukarelawan dan pendidikan serta melaporkan sebarang kejadian konflik hidupan liar kepada Jabatan PERHILITAN melalui talian hotline PERHILITAN 1-800-88-5151 atau e-aduan di laman web [www.wildlife.gov.my](http://www.wildlife.gov.my).

Saya yakin dengan kerjasama erat daripada pelbagai pihak, kita mampu melindungi Tapir Malaya yang tidak ternilai ini daripada kepupusan dan memastikan ia terus menjadi kebanggaan negara.

**NIK NAZMI NIK AHMAD**

**MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM**

**26 APRIL 2025**



---

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)

Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763



**nresmalaysia**